

TARIKH	6 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	26	RUANGAN	Nasional

Unit Khidmat Tabung Haji selamat jemaah

Makkah: Unit Khidmat Pelanggan Tabung Haji 'menyelamatkan' 186 jemaah haji Malaysia yang dilapor tersesat selepas menunaikan ibadat di Masjidil Haram.

Pengurus Unit Khidmat Pelanggan Tabung Haji, Rahmat Baba berkata, jumlah itu dicatatkan sejak ketibaan kumpulan pertama jemaah di Makkah pada 26 September sehingga 2 Oktober lalu.

Katanya, jemaah yang tersesat itu kebiasaannya adalah mereka yang baru sampai ke Makkah atau membatikan jemaah yang berusia 60 tahun ke atas.

"Kita juga berterima kasih kepada jemaah haji Malaysia yang muda kerana membantu jemaah yang sudah berusia ini.

"Tabung Haji mempunyai pasukan peronda yang turut bekerjasama dengan pasukan peronda dari India, Indonesia dan negara lain untuk membantu jemaah haji negara yang tersesat," katanya kepada wakil media Malaysia, semalam.

BERNAMA

